

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

KAD KREDIT-i BANK ISLAM (BIC-i)

Tarikh: 1 Ogos 2026

Ahli Kad yang dihormati,

Lembaran Maklumat Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting mengenai Kad Kredit-i anda. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ianya bermanfaat, **anda juga harus membacanya.**

1

APAKAH ITU KAD KREDIT-i BANK ISLAM (BIC-i)?

Kad Kredit-i Visa/MasterCard Bank Islam memberikan anda had pembiayaan yang diluluskan oleh kami. Anda boleh menggunakan kad ini untuk membuat pembayaran bagi pembelian barangan dan perkhidmatan, serta mengeluarkan wang tunai melalui kemudahan Pendahuluan Tunai (Cash Advance) di ATM. Jika anda tidak menjelaskan sepenuhnya baki tertunggak sebelum atau pada tarikh akhir pembayaran, caj keuntungan akan dikenakan ke atas baki yang masih belum dijelaskan.

Kontrak Syariah yang terpakai adalah Tawarruq yang terdiri daripada dua kontrak jual beli. Yang pertama melibatkan pelanggan membeli komoditi daripada Bank Islam (yang juga bertindak sebagai ejen pembelian pelanggan) secara Murabahah (harga kos berserta keuntungan) pada Harga Jualan Bank Islam. Kemudian, pelanggan (melalui Bank Islam yang bertindak sebagai ejen jualan), menjual komoditi kepada pihak ketiga pada harga kos secara tunai dan serta merta, dan hasil jualan diberikan kepada pelanggan. Pelanggan perlu membayar Harga Jualan Bank Islam mengikut terma yang telah dipersetujui.

2

KETAHUI KEWAJIPAN ANDA

Bayaran minimum bulanan:

- 1) 5% dari Baki Penyata (tidak termasuk Program Ansuran Bulanan dan Baki Qard) atau RM50, mana-mana yang lebih tinggi; dan
- 2) Baki Qard (jika ada); dan
- 3) Bayaran Minimum Tertunggak (jika ada); dan
- 4) Program Ansuran Bulanan (termasuk Program Pindahan Baki, GoFlexi, GoCash dan Pelan Bayaran Mudah) (jika ada); dan
- 5) Baki akaun jika baki akaun kurang dari RM50.

Anda bertanggungjawab untuk:



Baca dan fahami **terma-terma utama** dalam **kontrak** sebelum anda menandatangani.



Bayar sekurang-kurangnya amaun bayaran minimum bulanan **sebelum tarikh matang**.



Hubungi kami dengan segera selepas mengetahui kehilangan atau penggunaan kad anda tanpa kebenaran.

Fi & Caj	Amaun		
Fi Tahunan	Jenis Kad	Kad Utama (RM)	Kad Tambahan (RM)
	Mastercard World / Visa Infinite	777	333
	Mastercard / Visa Platinum	388	150
	Mastercard / Visa Emas	130	60
Nota:			
1) Fi tahunan bagi Kad Utama dan Kad Tambahan adalah dikecualikan, tertakluk kepada minimum 12 transaksi setahun atau jumlah perbelanjaan runcit minimum sebanyak RM120 setahun.			
2) Pengecualian penuh fi tahunan diberikan kepada Pemegang Kad Utama dan Pemegang Kad Tambahan bagi kad Mastercard World Premier Wealth dan Mastercard Platinum (Inspire) .			
Caj Pengeluaran Tunai*	1) ATM Bank Islam - 2.5% daripada nilai tunai yang dikeluarkan atau RM12.00 (mana-mana yang lebih tinggi) 2) Selain daripada ATM Bank Islam - 3% daripada nilai tunai yang dikeluarkan atau RM50.00 (mana-mana yang lebih tinggi). Caj yang dikenakan berbeza mengikut bank.		
Caj ganti rugi atas kelewatan pembayaran	1% ke atas jumlah baki belum jelas atau minimum RM5, yang mana lebih tinggi, tertakluk kepada caj maksimum RM50.		
Caj Penggantian Kad	RM50 setiap kad		
Fi Permintaan Slip Jualan*	1) Slip Jualan Asal – RM15.00 setiap slip. 2) Salinan Slip Salinan – RM5.00 setiap salinan.		
Fi Permintaan Salinan Penyata Bulanan*	RM5.00 bagi setiap penyata bulanan.		
Fi penukaran bagi transaksi luar negara	Kadar penukaran transaksi luar negara ditetapkan oleh Mastercard atau Visa International atau pemilik jenama lain yang berkaitan, ditambah fi penukaran Bank sebanyak 1.25% ke atas amaun yang ditukar kepada Ringgit Malaysia.		
Fi dan caj-caj lain	1) Fi Pindahan Baki daripada Kad Kredit-i Bank Islam ke akaun simpanan/semasa Bank Islam/ akaun pelaburan transaksi*: 2.5% daripada nilai tunai yang dipindahkan atau RM12.00 (mana mana yang lebih tinggi). 2) Fi Pengurusan Program GoFlexi*: 4.5% daripada amaun transaksi (dikenakan sekali)		

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

KAD KREDIT-i BANK ISLAM (BIC-i)

Tarikh: 1 Ogos 2026

	3) Cukai Perkhidmatan: RM25 setiap kad setiap tahun
--	---

*Fi dan caj ini tertakluk kepada 8% Cukai Jualan dan Perkhidmatan (CJP).

Nota: Sila layari laman web kami di www.bankislam.com untuk maklumat lanjut mengenai fi dan caj yang dikenakan.

Transaksi	Kadar Keuntungan (setahun)	Kelayakan
Runcit	15%	Peringkat 1: Bayaran minimum dibuat sebelum atau pada tarikh matang selama 12 bulan berturut-turut.
	17%	Peringkat 2: Bayaran minimum dibuat sebelum atau pada tarikh matang sebanyak 10 atau 11 kali dalam tempoh 12 bulan.
	18%	Peringkat 3: Bayaran minimum dibuat sebelum atau pada tarikh matang selama 9 kali atau kurang dalam tempoh 12 bulan.
Pengeluaran dan Pindahan tunai ke Akaun Bank Islam	18%	

Nota: Untuk menikmati kadar caj keuntungan yang lebih rendah, anda sepatutnya membuat bayaran sekurang-kurangnya 10 kali dalam tempoh 12 bulan berturut-turut.

3 KETAHUI RISIKO ANDA

- Apakah yang akan berlaku jika anda gagal membayar jumlah bayaran minimum bulanan?
 - Anda perlu membayar lebih secara keseluruhan disebabkan oleh caj lewat bayar (caj ganti rugi/ Ta`widh).
 - Bank Islam boleh menolak wang daripada mana-mana akaun anda yang ada dengan kami bagi menolak selesai baki Kad Kredit-i anda yang tertunggak.
 - Bank Islam boleh menamatkan kemudahan Kad Kredit-i anda.
 - Skor kredit anda mungkin akan terjejas menyebabkan kredit menjadi lebih sukar atau mahal kepada anda.
- Dengan hanya membuat bayaran minimum, tempoh pembayaran akan menjadi lebih panjang dan kos keseluruhan yang ditanggung akan menjadi lebih tinggi.
- Jika anda menggunakan Kad Kredit-i Bank Islam untuk membuat pembayaran bagi pembiayaan lain, anda mungkin akan menanggung kos yang lebih tinggi.
- Jika anda gagal membuat pembayaran, Bank Islam boleh menghendaki anda menjelaskan jumlah tertunggak tersebut dengan serta-merta.
- Sekiranya berlaku keingkaran pembayaran, ia akan mencetuskan keingkaran silang (*cross default*) ke atas kemudahan pembiayaan lain yang anda miliki dengan Bank Islam.

4 TERMA UTAMA LAIN

- Anda mungkin bertanggungjawab ke atas transaksi yang tidak dibenarkan sekiranya anda:
 - Bertindak secara penipuan;
 - Eggan memberikan kerjasama kepada Bank Islam dalam menjalankan siasatan; atau
 - Gagal melaksanakan tanggungjawab yang telah dimaklumkan oleh Bank Islam.
- Fungsi tanpa sentuh (*contactless*) Kad Kredit-i Bank Islam (transaksi yang tidak memerlukan tandatangan) boleh digunakan di kesemua rakan dagang yang mengambil bahagian sehingga maksimum RM250 bagi setiap transaksi atau RM2,000 sehari.
- Jika anda gagal mematuhi terma dan syarat Kad Kredit-i Bank Islam anda, pihak Bank berhak untuk menamatkan kad anda.
- Sila ambil langkah yang munasabah untuk sentiasa memastikan Kad Kredit-i Bank Islam dan PIN anda disimpan dengan selamat, termasuk di tempat kediaman anda.
- Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pinjaman secara percuma kepada individu, Pemilik Tunggal, Perusahaan Kecil dan Sederhana.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai Kad Kredit-i Bank Islam, anda boleh:



Hubungi kami di
+603-26 900 900



Layari laman web kami di
<https://www.bankislam.com>



E-mel kami melalui
contactcentre@bankislam.com.my